

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC BERSAMA DENGAN KPDN HADAPI ISU GULA

KUALA LUMPUR, 7 JUN 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil maklum tentang pelbagai isu yang menyelubungi bekalan dan jualan gula di pasaran, termasuk pelbagai dakwaan berkenaan pengumpulan stok secara berlebihan, jualan bersyarat, dan keengganan untuk membekalkan yang melibatkan sesetengah perusahaan. Amalan-amalan ini kini dipantau rapat dan MyCC komited untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi melindungi persaingan dalam pasaran, termasuk melindungi kepentingan pengguna.

MyCC menyeru kepada semua pemain dalam industri gula, dari hulu ke hilir, termasuk pengeluar dan pemborong, untuk menilai semula tindakan atau dasar mereka bagi memastikan aktiviti mereka adalah selaras dengan undang-undang yang berkaitan terutamanya Akta Persaingan 2010 (Akta).

Pengumpulan stok secara berlebihan bagi tujuan pengawalan akses pasaran dan saluran bagi pembekalan dan/atau penjualan gula oleh sekumpulan pemain gula atau pemain gula dominan boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan tegas di bawah Seksyen 4(2)(c) untuk mana-mana kumpulan dan Seksyen 10(2)(b) Akta untuk mana-mana pemain dominan.

MyCC juga ingin menekankan bahawa pengenaan syarat-syarat seperti mengikat atau menggabungkan (*tying or bundling*) kepada pembekalan dan/atau penjualan gula oleh mana-mana pemain utama pada mana-mana peringkat pasaran juga adalah pelanggaran di bawah Seksyen 10(2)(e) Akta tersebut. Selain itu, Seksyen 10(2)(c) Akta Persaingan 2010 melarang mana-mana pemain utama dalam pasaran gula terlibat dengan perlakuan keengganan untuk membekal atau menjual kepada mana-mana pembeli dengan sengaja.

Ketiga-tiga amalan di atas adalah dilarang dan boleh membawa kepada penalti kewangan sehingga 10% daripada jumlah pusing ganti dunia pemain tersebut. MyCC mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti kewangan secara bebas, pada masa



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

sama tindakan penguatkuasaan dikenakan di bawah undang-undang yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), seperti Akta Kawalan Bekalan 1961.

"MyCC sedang bekerjasama dengan KPDN untuk memastikan pasaran bebas daripada sebarang gangguan demi kepentingan pengguna. MyCC akan memastikan tindakan efektif diambil termasuk melancarkan penyiasatan menyeluruh, jika perlu. MyCC komited dalam menguatkuasakan Akta tersebut bagi memastikan pasaran yang sihat dalam industri gula," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.